

19/08/1999

Ekonomi pulih bukti kemampuan kerajaan

Hamdan Bahari

MEMENANGI pilihan raya bukanlah satu perkara yang mustahil bagi mana-mana parti politik. Tetapi tanggungjawab sebagai pengurus sebuah kerajaan, yang sentiasa memastikan kedaulatan bangsa dan negara terus kekal bukanlah semudah memenangi pilihan raya. Justeru, setiap warga negara Malaysia sewajarnya memikirkan semasak-masak perkara ini. Biarlah kita memberi undi dan kemenangan kepada parti yang boleh memastikan kedaulatan bangsa dan negara berterusan.

Sejak Julai 1997, kejatuhan ekonomi di beberapa negara Asia, termasuk Malaysia adalah sangat besar kesannya kepada kehidupan sosioekonomi dan politik negara-negara berkenaan.

Terdapat negara yang kecundang dan berlaku peralihan kepemimpinan, penyusunan Kabinet kerajaan dan kacau bilau berlaku dalam masyarakat. Pembangunan negara harus diteruskan.

Di sinilah kita menilai kepemimpinan sesebuah kerajaan. Sebagai rakyat Malaysia, saya sangat terharu dengan kejayaan kepemimpinan kita, khasnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Beliau bukan saja doktor perubatan, tetapi juga doktor ekonomi negara.

Beberapa perangkaan menunjukkan bahawa "Simpanan Negara" pada Ogos 1998 hanyalah AS\$20.2 bilion (RM76.76 bilion) yang boleh membeli barangan import untuk selama 3.8 bulan saja. Tetapi pada Mac 1999, simpanan ini bertambah menjadi AS\$27.7 bilion (RM105.26 bilion) yang mampu membeli barangan import selama 6.1 bulan

Melihat kepada kontrak modal, kita dapat melihat Indeks Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pulih dengan hebat sekali. Indeks BSKL pada 1 September 1998 berada pada 262.7 mata saja, pada 16 April 1999 mencapai 599.4 mata dan pada 9 Julai 1999 indeks BSKL meningkat kepada 851.67 mata dengan urus niaga berjumlah 1.314 bilion saham bernilai RM2.570 bilion.

Melihat kepada pertumbuhan ekonomi negara, perangkaan menunjukkan pada 1998, pertumbuhan menguncup kepada (-6.8 peratus), manakala bagi tahun 1999 ini, kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Nasional (BN) manjangkakan pertumbuhan 1 peratus. Tetapi yang lebih menarik penganalisis ekonomi antarabangsa memberi penarafan yang lebih hebat. Morgan Stanly sekadar menyebut pertumbuhan ekonomi Malaysia akan berlaku sebanyak 1.8 peratus, manakala Goldman Sachs membuat jangkaan sebanyak 2 peratus, malah Merrie Lynch menyebut sebanyak 3.1 peratus. Syarikat Goldman Sachs juga menyebut pertumbuhan pada tahun 2000 dijangka sebanyak 3.9 peratus.

Mengenai kadar pertukaran mata wang, jika pada awal September 1998, kerajaan terpaksa menetapkan kepada RM3.80 bagi AS\$1 tetapi kerana kekuatan ekonomi kita bertambah, nilai tukaran dianggarkan RM3.30 bagi AS\$1.

Jelaslah di sini bahawa usaha kerajaan lebih kepada menjaga supaya kedaulatan bangsa dan negara supaya sentiasa terjamin.

Merenung kembali minat parti yang memerintah, yang mengajak penyertaan pembangkang bersama-sama dalam Majlis Perancangan Ekonomi Negara (Mapen II) baru-baru ini, tetapi ditolak.

Ini bukanlah kali pertama pembangkang tidak mahu bekerjasama. Pada November 1989, DAP Pusat pernah bertindak keluar daripada Mapen I.

Sewajarnya semua pihak perlu menggembeleng tenaga dan fikiran untuk mengangkat maruah negara.